BI03: Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Multimedia
BI04: Ijazah Sarjana Muda Al-Quran & Al-Qiraat
BI05: Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Sumber Insan

FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)-DIPLOMA

TAHUN	IS11	IS12	IS13	IS14	IS15	IS16	IS18	JUMLAH
2016	47	250	-	356	81	336	250	1320
2017	74	-	15	291	74	384	-	838
2018	67	-	29	232	49	335	-	712

IS11: Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab)
IS12: Diploma Pengajian Islam (Syariah)
IS13: Diploma Pengajian Islam (Usuluddin)
IS14: Diploma Pengajian Islam (Al-Quran & Al-Sunnah)
IS15: Diploma Pengajian Islam (Dakwah)
IS16: Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat
IS18: Diploma Syariah & Perundangan Islam

FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)-SARJANA

TAHUN	MG02	MG02*	MT04	MT05	MT06	MT07	MT08	MT09	JUMLAH
2016	9	8	-	-	-	-	-	-	17
2017	-	-	2	1	-	-	1	4	8
2018	-	-	1	1	1	1	1	3	8

MG02: Ijazah Sarjana Syariah (Pengurusan)
MT04: Ijazah Sarjana Usuluddin (Pemikiran Islam)
MT05: Ijazah Sarjana Usuluddin (Perbandingan Agama)
MT06: Ijazah Sarjana Pengajian Al-Hadith
MT07: Ijazah Sarjana Pengajian Al-Quran
MT08: Ijazah Sarjana Pengajian Ilmu Qiraat
MT09: Ijazah Sarjana Dakwah & Pembangunan Komuniti

FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)-PhD

TAHUN	PI01	PI01*	JUMLAH
2016	3	30	33
2017	-	17	17
2018	-	17	17

PI01: Ijazah Doktor Falsafah Islamiyyat

FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI MAKLUMAT (FSTM)- IJAZAH & SARJANA

TAHUN	BT01	BT02	BT03	MS36	MS39	MC03	MC03*	JUMLAH
2016	116	61	3	321	72	1	-	574
2017	104	90	3	340	89	3	-	629
2018	120	108	2	222	75	2	2	531

BT01: Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Multimedia)

BT02: Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Rangkaian)

BT03: Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kejuruteraan Perisian)

MS36: Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia)

MS39: Diploma Sains Komputer

MC03*: Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat

*Program bertanda * adalah separuh masa*

FAKULTI PENDIDIKAN (FP)- IJAZAH & DIPLOMA

TAHUN	BE01	BE02	BE02*	ES51	ES51*	ES52	ES53	ES53*	JUMLAH
2016	70	147	4	3	2	145	296	48	715
2017	125	293	7	-	-	114	268	27	834
2018	147	370	7	-	-	111	342	9	986

BE01: Ijazah Sarjana Muda Perguruan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua

BE02: Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia

ES51: Diploma Perguruan (Bahasa Arab)

ES52: Diploma Perguruan (TESL)

ES53: Diploma Perguruan (Pendidikan Islam)

*Program bertanda * adalah separuh masa*

FAKULTI PENDIDIKAN (FP)- SARJANA & PhD

TAHUN	MT15	MT17	PE01	PE01*	JUMLAH
2016	-	-	-	-	-
2017	1	2	1	1	5
2018	-	2	1	-	3

MT15: Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam)
MT17: Ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum & Pedagogi)
PE01: Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan
*Program bertanda * adalah separuh masa*

FAKULTI SYARIAH & UNDANG-UNDANG (FSU)- DIPLOMA-IJAZAH-SARJANA

TAHUN	BI01	BS02	IS12	IS18	MG02	MG02*	JUMLAH
2017	673	73	188	254	6	6	1200
2018	547	150	136	199	2	4	1038

BI01: Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-Undang
BS02: Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Muamalat
IS12: Diploma Pengajian Islam (Syariah)
IS18: Diploma Syariah & Perundangan Islam
MG02: Ijazah Sarjana Syariah (Pengurusan)

b) Jumlah graduan KUIS dari tahun 2016-2018 adalah seperti berikut:

FAKULTI	2016	2017	2018	JUMLAH
FAKULTI PENGURUSAN MUMALAH (FPM)	262	499	406	1167
FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)	436	530	491	1457
FAKULTI SYARIAH UNDANG-UNDANG (FSU)	-	423	349	772
FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI MAKLUMAT (FSTM)	106	130	91	327
FAKULTI PENDIDIKAN (FP)	202	252	207	661
JUMLAH KESELURUHAN GRADUAN KUIS 2016-2018	1006	1934	1544	4384

Jumlah graduan mengikut kursus dari tahun 2016-2018 adalah seperti berikut:-

GRADUAN FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH (FPM)

BIL	NAMA PROGRAM	2016	2017	2018	JUMLAH
1	SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (MUAMALAH)	5	1	1	7
2	SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (MUAMALAH)	-	9	2	11
3	IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN DENGAN E-DAGANG (KEPUJIAN)	16	26	37	79
4	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SUMBER INSAN (KEPUJIAN)	33	38	47	118
5	IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI DAN KEWANGAN (KEPUJIAN)	20	1	11	32
6	IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (KEPUJIAN)	26	41	10	77
7	IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN ISLAM (PERBANKAN) (KEPUJIAN)	24	83	39	146
8	IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN ISLAM (PASARAN MODAL) (KEPUJIAN)	-	-	-	0
9	IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN ISLAM (TAKAFUL) (KEPUJIAN)	8	2	-	10
10	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (PENYIARAN) (KEPUJIAN)	22	19	54	95
11	DIPLOMA PERAKAUNAN	13	-	29	42
12	DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN	11	45	11	67
13	DIPLOMA PERBANKAN ISLAM	43	111	75	229
14	DIPLOMA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	2	60	37	99
15	DIPLOMA EKONOMI	-	7	5	12
16	DIPLOMA KEUSAHAWANAN	1	-	-	1
17	DIPLOMA PERANCANGAN KEWANGAN ISLAM	2	2	-	4
18	DIPLOMA KOMUNIKASI	14	50	13	77
19	DIPLOMA PENGAJIAN BAHASA INGGERIS	20	4	35	59
20	DIPLOMA KEJURURAWATAN	2	-	-	2
JUMLAH KESELURUHAN GRADUAN FPM		262	499	406	1167

GRADUAN FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

BIL	NAMA PROGRAM	2016	2017	2018	JUMLAH
1	IJAZAH DOKTOR FALSAFAH ISLAMIYYAT (PhD ISLAMIYYAT)	-	-	2	2
2	IJAZAH SARJANA SYARIAH (PENGURUSAN)	1	-	-	1
3	IJAZAH SARJANA MUDA SYARIAH DENGAN UNDANG-UNDANG (KEPUJIAN)	109	-		109
4	IJAZAH SARJANA MUDA AL-QURAN DAN AL-SUNNAH DENGAN KOMUNIKASI (KEPUJIAN)	36	48	132	216
5	IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN DENGAN MULTIMEDIA (KEPUJIAN)	50	76	21	147
6	IJAZAH SARJANA MUDA AL-QURAN DAN AL-QIRAAT (KEPUJIAN)	3	8	2	13
7	IJAZAH SARJANA MUDA DAKWAH DENGAN PENGURUSAN SUMBER INSAN (KEPUJIAN)	34	69	55	158
8	IJAZAH SARJANA MUDA BAHASA ARAB SEBAGAI BAHASA KEDUA (KEPUJIAN)	43	52	69	164
9	IJAZAH SARJANA MUDA BAHASA ARAB (TERJEMAHAN) (KEPUJIAN)	4	22	30	56
10	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (BAHASA ARAB)	1	8	16	25
11	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM)	64	-	-	64
12	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (SYARIAH)	2	-	-	2
13	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (AL-QURAN DAN AS-SUNNAH)	53	159	112	324
14	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (DAKWAH)	-	38	30	68
15	DIPLOMA TAHFIZ AL-QUR'AN DAN AL-QIRAAT	11	50	22	83
16	DIPLOMA SYARIAH DAN PERUNDANGAN ISLAM	25	-	-	25
JUMLAH GRADUAN FPPI		436	530	491	1457

GRADUAN FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG (FSU)

BIL	NAMA PROGRAM	2017	2018	JUMLAH
1	IJAZAH SARJANA SYARIAH (PENGURUSAN)	1	4	5
2	IJAZAH SARJANA SYARIAH (PENGURUSAN)	5	2	7
3	IJAZAH SARJANA MUDA SYARIAH DENGAN UNDANG-UNDANG (KEPUJIAN)	114	175	289
4	DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (SYARIAH)	196	109	305
5	DIPLOMA SYARIAH DAN PERUNDANGAN ISLAM	107	59	166
JUMLAH		423	349	772

GRADUAN FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (FSTM)

BIL	NAMA PROGRAM	2016	2017	2018	JUMLAH
1	IJAZAH SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT	-	-	1	1
2	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (MULTIMEDIA) (KEPUJIAN)	18	22	21	61
3	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (KEPUJIAN) (TEKNOLOGI RANGKAIAN)	3	4	3	10
4	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN PERISIAN DENGAN KEPUJIAN	1	-	-	1
5	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (MULTIMEDIA)	67	88	58	213
6	DIPLOMA TEKNOLOGI E-DAGANG	7	3	-	10
7	DIPLOMA SAINS KOMPUTER	10	13	8	31
JUMLAH GRADUAN FSTM		106	130	91	327

GRADUAN FAKULTI PENDIDIKAN (FP)

BIL	NAMA PROGRAM	2016	2017	2018	JUMLAH
1	DIPLOMA PERGURUAN (TASL)	12	9	-	21
2	DIPLOMA PERGURUAN (TASL)	4	14	-	18
3	DIPLOMA PERGURUAN (TESL)	48	55	65	168
4	DIPLOMA PERGURUAN (TESL)	4	-	-	4
5	DIPLOMA PERGURUAN (PENDIDIKAN ISLAM)	66	129	125	320
6	DIPLOMA PERGURUAN (PENDIDIKAN ISLAM)	68	45	17	130
JUMLAH GRADUAN FP		202	252	207	661

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : MENANGANI KENAIKAN KOS SARA HIDUP

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif baharu Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat Selangor menghadapi isu kenaikan kos sara hidup?
- b) Apakah usahasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi menangani masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tidak dinafikan, suasana kehidupan pada masa ini begitu menekan. Rakyat pada hari ini terus dibebani kos sara hidup yang tinggi akibat daripada implikasi senario ekonomi global yang tidak menentu.

Untuk itu, sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin dan sentiasa peduli akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat, Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) telah diperkenalkan. Program IPR yang telah menjadi sanubari kepada rakyat Selangor akan terus diperkukuh dan dipelbagai oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat Selangor terus maju dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan. Terdiri daripada empat puluh dua (42) program, semua inisiatif ini merangkumi kluster pendidikan, pekerjaan, perumahan, kekeluargaan, kesihatan dan kebajikan.

Program-program IPR seperti Program HIJRAH, Dana Usahawan Mikro, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan serta pelbagai lagi diyakini dapat terus berdiri menjadi paksi dalam mengimbangi pertumbuhan sosial dan ekonomi negeri. Melalui program-program tersebut, ianya dijangka berupaya melonjakkan dan meningkatkan pendapatan golongan miskin yang akhirnya dapat mengeluarkan mereka daripada kitaran kemiskinan. Semua agenda dan rancangan Kerajaan Negeri ini telah memperlihatkan keberkesanan yang amat positif dalam menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat Negeri Selangor.

- b) Dalam memastikan rakyat terutamanya golongan kurang berkemampuan sentiasa mendapat manfaat serta terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan, Kerajaan Negeri akan melihat semula program-program sedia ada pemberdayaan dan pembangunan sosio ekonomi di bawah Kerajaan Negeri untuk diselaras semula dan ditambahbaik dengan kerjasama dan

penglibatan Kementerian/ Jabatan/ Agensi di peringkat Persekutuan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan pelbagai lagi. Ini adalah bagi membolehkan semua program dan inisiatif pemberdayaan dan pengupayaan sosio ekonomi negeri ini dapat diperkukuh dan dipelbagai dalam memastikan ianya berimpak tinggi dan dapat memberikan kesan langsung terhadap kesejahteraan hidup rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan menandatangani IBR?
- b) Apakah Kerajaan Negeri ada mekanisme lain yang lebih baik daripada IBR?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor komited dalam usaha membanteras rasuah, ini diterjemah melalui rekod di mana Selangor merupakan negeri yang paling awal menyatakan kesediaan untuk mendukung Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Perkara ini telah dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor sewaktu Pengarah SPRM Negeri Selangor membuat kunjungan hormat kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 3 Julai 2018.

Dalam konteks IBR, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak SPRM Negeri Selangor telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk menambahbaik dan memuktamadkan kandungan IBR supaya ia selari dengan inisiatif-inisiatif yang telah digerakkan lebih awal oleh Kerajaan Negeri Selangor sebelum ia ditandatangani secara rasmi oleh semua pihak yang berkaitan.

- b) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa mekanisme untuk memastikan semua EXCO dan penjawat awam bebas dari rasuah dengan:
 - i. Mengisi Borang Pengisytiharan Kepentingan setiap kali Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) diadakan;
 - ii. Merakamkan pengisytiharan kepentingan di dalam minit Mesyuarat MMKN bagi kertas-kertas yang melibatkan Ahli MMKN;
 - iii. Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah/Tanah dan Badan Berkanun Negeri.

Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk memastikan tadbir urus organisasi dan penginstitutionan integriti dilaksanakan secara efisien dalam membendung sebarang bentuk salah laku di kalangan penjawat awam terutamanya yang melibatkan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Dalam mencapai hasrat ini, antara dasar dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, termasuklah:

- i. Mewujudkan hubungan langsung dengan pihak SPRM Negeri Selangor serta pihak Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) di Ibu Pejabat SPRM dalam mengambil langkah pencegahan serta penguatkuasaan terhadap jenayah salah laku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- ii. Mewujudkan hubungan langsung dengan Unit Integriti di setiap jabatan/agensi dalam memberikan penerangan berkenaan integriti dan dalam masa yang sama membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan kakitangan masing-masing;
- iii. Mengadakan kursus, seminar, bengkel dan taklimat berhubung tatakelakuan dan salahlaku rasuah;
- iv. Mengedarkan risalah-risalah berkaitan tatakelakuan dan salahlaku rasuah;
- v. Memberikan komitmen akan turut serta menjayakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan mewujudkan inisiatif-inisiatif dalam membendung gejala rasuah; dan
- vi. Menyediakan saluran aduan integriti yang melibatkan penjawat awam melalui emel, talian telefon, faks, surat dan *walk-in* di Unit-unit Integriti yang ditubuhkan bagi memudahkan penyaluran aduan integriti sama ada dari kalangan kakitangan mahu pun orang awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELABURAN TEMPATAN

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi pelaburan tempatan di Selangor pada 2018?
- b) Nyatakan bidang-bidang pelaburan yang diberi penumpuan.

JAWAPAN:

- c) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 sebanyak **83 projek perkilangan** telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM3,095,846,952 (RM3.096 bilion)**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM1,571,251,260 (50%)** adalah daripada pelaburan langsung asing dan sebanyak **RM1,524,595,692 (50%)** daripada pelaburan tempatan.
- d) Bagi memastikan Selangor terus kekal sebagai destinasi pelaburan utama dalam Negara, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor sedang giat mempromosikan beberapa industri tumpuan utama berdasarkan potensi yang ada di Negeri Selangor. Antara industri tumpuan utama tersebut seperti berikut:-
 - i. Elektrik & Elektronik (*Electrical & Electronics*)
 - ii. Peralatan Pengangkutan / (*Transport Equipments*)
 - iii. Sains Hayat / (*Life Sciences*)
 - iv. Makanan dan Minuman / (*Food & Beverages Industries*)
 - v. Mesin dan Peralatan / (*Machinery & Equipment*)

Daripada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang di Negeri Selangor seperti:-

- E - Commerce
- Bio - Teknologi
- Aero - Angkasa
- Industri Halal

Industri-industri ini semakin berkembang dan mendapat tempat selari dengan arus perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjurus kepada perniagaan secara e-dagang, sains dan teknologi bio serta aero angkasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kajian yang telah dilakukan oleh IDE dari 2015 - 2016.
- b) Berapakah jumlah peruntukan atau geran tahunan yang diperuntukkan oleh operasi IDE?
- c) Nyatakan jumlah kakitangan IDE.

JAWAPAN:

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA (BPSM)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENJUALAN ASET NEGERI

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci semua aset Kerajaan Negeri yang telah dijual.
- b) Apakah faktor penjualan tersebut?
- c) Nyatakan peratusan jumlah wang rizab negeri hasil dari penjualan tersebut.

JAWAPAN:

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA (BPSM)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KEJATUHAN HARGA SAWIT

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk menangani masalah kejatuhan harga sawit sekarang?
- b) Adakah Kerajaan Negeri memperuntukkan inisiatif khusus kepada petani atau pekebun kecil untuk isu kejatuhan harga sawit?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan jika ada? Nyatakan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin berkenaan dengan penurunan secara mendadak harga minyak sawit mentah *atau crude oil palm* (CPO). Statistik dari MPOB (*Malaysia Palm Oil Board*) menunjukkan kejatuhan harga secara berterusan sejak Januari 2018 amat membimbangkan khususnya kesan kepada pendapatan pekebun-pekebun kecil.

Harga CPO pada bulan Januari 2018 adalah RM2,468.50 dan harga pada 13 November 2018 pula terus menurun sehingga ke RM1,851.50 iaitu kedudukan harga yang paling rendah pada tahun 2018 dengan peratusan penurunan sebanyak 25%.

Walaupun industri kelapa sawit terletak di bawah pengawasan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri tetap memberikan perhatian ke atas perkara tersebut. Sebagai langkah awal, agensi-agensi yang berkaitan dengan pembangunan pekebun-pekebun kecil ini seperti Felcra dan RISDA telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada Ahli Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani (IAT) di mana melalui penglibatan secara terus agensi tersebut, Kerajaan Negeri akan mendapat lebih banyak maklumat serta mencari kaedah yang paling sesuai untuk membantu golongan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit tersebut. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri akan sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kementerian-Kementerian di bawah Kerajaan Pusat yang berkaitan dengan pekebun kecil bagi mencari jalan yang lebih komprehensif dan holistik di dalam menangani isu tersebut.

- b) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri belum lagi memperuntukkan sebarang insentif kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, melalui penglibatan agensi-agensi yang terlibat secara langsung di dalam menjaga kebajikan pekebun ini, Kerajaan Negeri boleh mengenalpasti langkah-langkah awal yang boleh diambil untuk membantu golongan tersebut.

- c) Kerajaan Negeri tiada memperuntukkan sebarang insentif pada ketika ini. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi yang berkaitan tentang perkara tersebut bagi mencari jalan penyelesaian yang lebih holistik di dalam menangani isu tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MASALAH BANJIR

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan masalah banjir dan ban pecah tidak mengancam petani-petani khususnya di kawasan DUN Sungai Air Tawar yang berhampiran laut?
- b) Nyatakan langkah yang diambil.
- c) Nyatakan jumlah peruntukan yang disediakan untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran serta agensi-agensi lain yang berkaitan telah merancang dan melaksanakan program-program bagi memastikan masalah banjir dan ban pecah tidak mengancam petani dengan melaksanakan program pemantauan secara berterusan dan melaksanakan program jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang berdasarkan keperluan dan keupayaan jabatan. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan juga melaksanakan program penanaman pokok bakau dengan kerjasama agensi-agensi lain. Program ini telah dijadikan sebagai program tahunan jabatan berkenaan. Selain itu, pelaksanaan pembaikan tebing dengan menggunakan teknik setempat seperti penggunaan batang kelapa/nibong juga dapat membantu mengurangkan kesan hakisan pantai akibat ombak.
- b) Antara langkah-langkah yang dibuat adalah terdiri dari empat bahagian iaitu:
 - 1) Program pemantauan
 - i. Program ini melibatkan pemantauan berterusan mengikut keperluan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi berkaitan yang diketuai oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti pemantauan fenomena air pasang besar.
 - ii. Selain itu, pihak jabatan juga membuat pemantauan berkala di kawasan yang berisiko sebanyak 2 kali sebulan terutama semasa tempoh air pasang tinggi dan pemantauan 24 jam semasa hari kejadian.

2) Program Jangka Pendek (menggunakan tenaga kerja sediada)

- i. Memastikan kunci air sentiasa dibuka atau ditutup mengikut jadual air pasang surut laut dan keperluan pengairan pertanian di kawasan.
- ii. Paras air di parit-parit borrowpit sentiasa direndahkan terutamanya pada musim hujan dan fenomena air pasang besar bagi mengurangkan resiko kejadian banjir berlaku.
- iii. Memasang pam-pam bergerak dilokasi yang dikenalpasti bagi mengurangkan banjir, mengikut keperluan dan keupayaan jabatan.

3) Program Jangka Sederhana (menggunakan peruntukan mengurus sediada)

- i. Memastikan parit-parit diselenggara secara berkala melalui program pembersihan parit secara gotongroyong oleh pihak JKKK
- ii. Memastikan parit yang sebu atau cetek akan didalamkan melalui kerja-kerja pengorekan parit mengikut keperluan dan keupayaan jabatan
- iii. Memastikan benteng-benteng yang rosak diselenggara mengikut keperluan degan melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil
- iv. Memastikan struktur-struktur seperti kunci air diselenggara mengikut jadual dan memastikan ianya dapat beroperasi dengan baik.

4) Program Jangka Panjang (menggunakan peruntukan pembangunan)

Merancang projek-projek bagi mengurangkan risiko banjir:

- i. Projek naiktaraf kunci air Sungai Lang (telah siap dilaksanakan)
- ii. Projek naiktaraf kunci air Beting Kepah (dalam proses rekabentuk)
- iii. Projek naiktaraf benteng di Sungai Lang fasa 1 (telah siap dilaksanakan)
- iv. Projek naiktaraf benteng di Sungai Lang fasa 2 (telah siap dilaksanakan)

c) Jumlah peruntukan yang telah diperuntukan bagi tujuan ini adalah mengikut pecahan berikut:

- i. Peruntukan mengurus: RM250,000.00 setahun (Anggaran)
- ii. Projek naiktaraf Pintu Air Sungai Lang: RM2,118,940.00
- iii. Projek naiktaraf Pintu Air Beting Kepah: RM2,500,000.00 (Anggaran)
- iv. Projek naiktaraf benteng di Sungai Lang fasa 1: RM3,895,500.00
- v. Projek naiktaraf benteng di Sungai Lang fasa 2: RM3,572,915.50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : LARANGAN PREMIS KERAJAAN DIGUNAKAN UNTUK TUJUAN
POLITIK**

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendirian Kerajaan Negeri berkaitan larangan penggunaan premis milik Kerajaan untuk kegunaan politik.
- b) Adakah larangan tertakluk kepada semua parti politik atau hanya terpilih?
- c) Berapa kerugian yang bakal ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui pihak Berkuasa Tempatan alami dengan larangan tersebut?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan surat edaran bertarikh 4 April 2018 kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan Larangan Penggunaan Kemudahan Dewan Serba Guna/ Dewan Orang Ramai/ Ruang Terbuka dan kawasan lapang untuk tujuan aktiviti parti-parti politik. Secara umumnya, kemudahan-kemudahan tersebut adalah untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan program-program yang berkaitan dengan PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PELANCONGAN LUAR BANDAR

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sebarang cadangan untuk membangunkan sektor pelancongan di kawasan-kawasan luar bandar seperti Daerah Sabak Bernam?
- b) Jika ada, pelancongan bagaimanakah yang akan dibangunkan?
- c) Berapakah jumlah peruntukan disediakan untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited di dalam usaha untuk memajukan potensi pelancongan yang terdapat di dalam Negeri Selangor termasuklah pembangunan dan program promosi pelancongan untuk kawasan luar bandar.
- b) Beberapa perkara yang perlu dititikberatkan dalam membangunkan kawasan pelancongan khususnya di kawasan luar bandar antaranya seperti yang berikut:
 - i) Untuk mengangkat sesebuah tempat menjadi tempat pelancongan perlu merujuk Undang-Undang Malaysia di bawah Akta 482, Akta Industri Pelancongan 1992 dan mengenal pasti status tanah atau kawasan yang ingin dijadikan kawasan pelancongan.
 - ii) Pembangunan Pelancongan dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur yang mesra alam atau berkonsep eko, kemudahan jalan serta akses, dan nilai komersial menggambarkan “*x-factor*” dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut.
 - iii) Aktiviti promosi yang giat dijalankan oleh Tourism Selangor bersama-sama organisasi pelancongan yang lain bagi memasarkan produk pelancongan yang mempunyai potensi diangkat menjadi tempat tarikan pelancong.
 - iv) Dokumentasi dan Kajian (*Research*). Bagi mengangkat sesebuah tempat untuk mencapai nilai destinasi pelancongan, Kerajaan Negeri

turut menjalankan beberapa kajian dan dokumentasi serta publisiti dan promosi yang berterusan melalui kerjasama bersama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Tourism Selangor sendiri sebagai badan pelancongan negeri. Walau bagaimanapun, bagi menjalankan sesuatu kajian atau dokumentasi, Kerajaan Negeri buat masa ini hanya memberi keutamaan kepada produk-produk pelancongan yang difikirkan berpotensi untuk diangkat sebagai produk utama pelancongan negeri serta bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

- v) Komuniti, organisasi atau kelab pelancongan tempatan daripada kawasan luar bandar tersebut perlu mewujudkan satu jawatankuasa dalam kalangan penduduk dan perniaga tempatan bagi menggerakkan aktiviti perniagaan pelancongan secara sihat. Contoh boleh dilihat kepada Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan yang bergiat aktif dan membawa model seperti '*Community Based Tourism*' dan '*Think Tourism*' yang sememangnya memberikan impak yang besar dalam memacu pembangunan pelancongan setempat di luar bandar.

- c) Peruntukan menaik taraf produk-produk pelancongan di kawasan-kawasan luar bandar bergantung kepada permohonan yang dikemukakan oleh setiap Pejabat Tanah/ Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Setiap tahun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM2.5 Juta bagi tujuan menaik taraf produk pelancongan di dalam Negeri Selangor termasuk dalam membangunkan industri pelancongan di kawasan luar bandar yang berpotensi dibangunkan menjadi pusat tarikan pelancong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KOS SARA HIDUP RAKYAT

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk menangani kos sara hidup rakyat yang terbeban dengan keadaan ekonomi kini.
- b) Berapakah peruntukan yang akan disediakan untuk meringankan bebanan kos sara hidup rakyat khususnya di kawasan luar bandar?

JAWAPAN:

a) dan b)

Ketidaktentuan ekonomi global kini dilihat menjadi antara penyebab utama kenaikan kos sara hidup. Menyedari kos sara hidup yang tinggi dan masih membebani hidup rakyat, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil pendekatan “peduli rakyat”. Bukan sahaja penyumbang utama kepada KDNK negara, Negeri Selangor sentiasa terkehadapan dan menjadi peneraju dalam kalangan negeri-negeri lain dalam menyediakan inisiatif-inisiatif yang berpaksikan rakyat sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat yang masih berada di dalam kitaran kemiskinan.

Sebagai tanda kepedulian dan keprihatinan berterusan dalam membantu meringankan bebanan rakyat miskin dalam menghadapi tekanan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan Negeri sentiasa mempelbagaikan inisiatif dalam mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan. Namun begitu, program-program pengupayaan sosio ekonomi ini adalah bersifat menyeluruh kepada semua golongan miskin dan kurang berkemampuan di Negeri Selangor serta tidak menfokuskan golongan miskin luar bandar sahaja.

Antara rancangan dan inisiatif sedia ada Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi adalah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Bagi mengurangkan bebanan rakyat dan peningkatan kos sara hidup, Kerajaan Negeri melihat bahawa langkah meneruskan kesinambungan “peduli rakyat” melalui pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) merupakan penyelarasan yang tepat dalam memberdaya dan mengupayakan golongan kurang berkemampuan. Untuk itu, pada tahun 2018, jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi empat puluh dua (42) Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah berjumlah RM549.33 juta.

Program-program IPR seperti Program HIJRAH, Dana Usahawan Mikro, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan serta pelbagai lagi diyakini dapat terus berdiri menjadi paksi dalam mengimbangi pertumbuhan sosial dan ekonomi di antara bandar dan luar bandar. Melalui program-program tersebut, ianya dijangka berupaya melonjakkan dan meningkatkan pendapatan golongan miskin yang akhirnya dapat mengeluarkan mereka daripada kitaran kemiskinan. Ini secara tidak langsung akan menghasilkan impak positif terhadap taraf dan kesejahteraan hidup rakyat secara berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : I-SURI

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai rakyat Negeri Selangor yang layak menyertai Skim I-Suri yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan keluarga?
- b) Adakah kerajaan Negeri Selangor akan mempertimbangkan had kelayakannya untuk memberi peluang kepada lebih ramai penerima di Selangor?
- c) Berapakah jumlah penerima Skim I-Suri sehingga Oktober 2018?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim I-Suri adalah Insentif Khas Kerajaan Persekutuan kepada Suri Rumah yang buat masa ini adalah untuk mereka yang berdaftar dalam Pengkalan Data Kemiskinan Nasional (E Kasih). Buat masa ini, hanya mereka yang tersenarai dalam pengkalan data E kasih ini yang layak menerima insentif ini di mana **jumlah rakyat Negeri Selangor yang layak menyertai Skim I-Suri ini adalah seramai 12,950 orang yang mereka ini terdiri dari kalangan Isteri kepada Ketua Isi Rumah (KIR)/ suri rumah, KIR di kalangan ibu tunggal, KIR di kalangan balu dan KIR di kalangan belum pernah berkahwin (bujang).**
- b) Skim I-Suri ini adalah di bawah kelolaan Kerajaan Persekutuan dan bukannya Kerajaan Negeri, justeru **semua had kelayakan adalah ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.**
- c) Jumlah penerima Skim I-Suri sehingga **November 2018 adalah 34,428 orang untuk seluruh Negara dan 1188 orang penerima untuk Negeri Selangor (9.17%) dari jumlah rakyat yang layak.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MERAKYATKAN PERTANIAN LUAR BANDAR

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk merakyatkan pertanian sebagai salah satu cabang program merakyatkan ekonomi Selangor?
- b) Nyatakan jumlah yang diperuntukkan untuk merakyatkan pertanian bagi tahun 2019 ini.

JAWAPAN:

- a) Sektor pertanian adalah merupakan sektor yang penting khususnya bagi memastikan bekalan makanan atau *food security* sentiasa berada pada tahap yang terbaik dan di dalam masa yang sama ianya juga adalah boleh dijadikan sebagai sumber ekonomi utama golongan petani, penternak dan nelayan.

Bagi memastikan perkara tersebut mencapai objektif, beberapa program berkaitan telahpun dilaksanakan bermula dengan memperkasakan agropreneur sedia ada melalui program pemberian insentif berbentuk peralatan dan input-input pertanian, penyampaian maklumat dan juga latihan, program-program kesedaran (*awareness*) bagi menarik minat golongan-golongan muda untuk menceburi sektor pertanian serta dengan pembukaan kawasan-kawasan baharu untuk pertanian.

- b) Keseluruhan peruntukan pembangunan bagi tahun 2019 termasuk peruntukan di sektor pertanian hanya akan dibentangkan di Mesyuarat Ketiga (Bajet) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2018 yang bermula pada 23 November hingga 6 Disember 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PENGURUSAN SISTEM PERPARITAN DAN SALIRAN

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk meningkatkan sistem perparitan dan saliran sedia ada untuk memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menjadikan perparitan dan saliran di kawasan luar bandar sebagai eko pelancongan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan tambahan untuk menaiktaraf sistem perparitan dan saliran dan berapa jumlahnya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited meningkatkan sistem perparitan bagi memastikan ianya sentiasa berfungsi dan dalam keadaan baik melalui kerja-kerja penyelenggaraan dan naiktaraf sekiranya perlu dan mengikut keadaan semasa.
- b) Pada masa ini Kerajaan masih belum mempunyai sebarang perancangan secara khusus bagi menjadikan perparitan dan saliran sebagai eko pelancongan, walaubagaimanapun perkara ini akan diberikan perhatian sekiranya terdapat perancangan pada masa akan datang dan akan memastikan tidak mengganggu operasi dan fungsi sistem perparitan dan saliran tersebut.
- c) Peruntukan tambahan Kerajaan Negeri lebih memfokuskan kepada menaiktaraf sistem perparitan untuk mengurangkan kejadian banjir di kawasan-kawasan berisiko banjir dan sekiranya ada lebihan peruntukan, ianya dapat digunakan untuk menaiktaraf sistem perparitan dan saliran yang lain secara berperingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : POKOK-POKOK BESAR, CONDONG DI LALUAN UTAMA

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil tindakan untuk menebang pokok-pokok besar dan pokok-pokok kelapa yang condong ke arah jalan-jalan utama yang membahayakan pengguna lalulintas?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang akan diberi untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bagi Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri, ianya di bawah bidang kuasa pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Pokok-pokok kelapa kebiasannya merupakan pokok individu dan ditanam sendiri oleh penduduk. Justeru itu tanggungjawab penyelenggaraan perlu dilaksanakan sendiri oleh tuan tanah atau pemilik kediaman.

PBT akan mengambil tindakan segera sekiranya terdapat mana-mana pokok yang condong di laluan utama bagi mengelakkan daripada kejadian pokok tumbang sewaktu hujan lebat.

- b) Jumlah peruntukan yang akan dibelanjakan oleh PBT Negeri Selangor untuk tujuan penebangan pokok-pokok adalah seperti berikut :

PBT	JUMLAH PERUNTUKAN UNTUK MENEBAANG POKOK- POKOK BESAR DAN POKOK-POKOK KELAPA YANG CONDONG KE ARAH JALAN-JALAN UTAMA TAHUN 2018 (RM)
MBSA	3,769,832.40
MBPJ	18,000,000.00
MPK	2,429,591.00
MPAJ	2,200,000.00
MPSJ	400,000.00
MPS	1,200,000.00
MPKJ	2,000,000.00
MPSp	4,779,250.00
MDKL	400,000.00
MDHS	427,000.00
MDKS	Tiada peruntukan khas
MDSB	40,000
JUMLAH	35,645,673.40

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PENUTUPAN KLINIK 1 MALAYSIA

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan melantik mana-mana klinik sebagai ganti kepada penutupan Klinik 1 Malaysia yang diumumkan oleh Menteri Kesihatan?
- b) Berapakah kos dianggarkan jika klinik panel dilantik bagi tujuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Di Selangor pada masa ini terdapat 44 buah Klinik 1 Malaysia (K1M). Terdapat 3 K1M yang ditutup iaitu K1 M di Seksyen 24, K1M U5 dan K1M Damansara Damai kerana:
 - i. Memenuhi syarat-syarat penutupan yang telah ditetapkan oleh KKM. Syarat-syarat penutupan K1 M yang telah ditetapkan oleh KKM ialah seperti berikut:
 - Kedatangan pesakit kurang dari 20 pesakit sehari
 - Jarak Klinik 1 Malaysia dengan klinik kesihatan atau fasiliti kesihatan lain kurang dari 5 kilometer.
 - Sewaan bulanan yang tinggi iaitu melebihi RM3,000.00 sebulan.
 - Ketidak bersetujuan tuan tanah/pemilik bangunan dengan kadar sewa yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian.
 - Mendapat persetujuan ketua masyarakat/wakil penduduk.
 - ii. Terdapat perkhidmatan klinik kesihatan yang berhampiran yang memberikan perkhidmatan yang lebih komprehensif: Klinik Kesihatan UTC, KD Kg Melayu Subang (naiktaraf perkhidmatan) dan Klinik 1 Malaysia Gugusan Semarak. Manakala K1M Rawang dalam proses pindah lokasi ke tempat yang baru kerana Ketidak bersetujuan tuan tanah/pemilik bangunan dengan kadar sewa yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian. Setakat ini tiada perancangan dari pihak KKM untuk melantik mana-mana klinik sebagai ganti kepada penutupan K1M.
- b) Setakat ini belum ada keperluan untuk melantik Klinik Panel menggantikan K1M yang ditutup kerana terdapat klinik kesihatan berhampiran sebagai ganti

untuk orang awam mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih komprehensif.